



## Lawatan PM ke kilang Changwon Hyundai Rotem

Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad melawat kilang Changwon Hyundai Rotem yang juga pengeluar lokomotif terbesar Korea Selatan dengan pasaran eksport ke 36 negara. Mahathir turut diberi taklimat oleh Naib Pengerusi Hyundai Rotem, Dr Yoo Cheol Woo, mengenai pembabitan syarikat itu dalam projek Transit Aliran Massa (MRT) Jajaran Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya (SSP) serta projek kereta api elektrik oleh Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB). Hyundai Rotem turut mempamerkan teknologi kereta api terbarunya, terutama aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam kereta api yang dijana kuasa oleh hidrogen.

BH - 27/11/2019 mlb:22 (Foto BERNAMA)